

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jenis bantuan yang diberikan kepada pengusaha pusat pelancongan yang terkesan dengan masalah wabak COVID-19 agar mereka boleh membuka kembali perniagaan mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebelum saya meneruskan jawapan, izinkan saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Jerantut ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Padang Serai No.15 pada hari ini kerana turut menyentuh perkara yang sama.
  
2. Kerajaan telah melancarkan beberapa pakej rangsangan ekonomi seperti PENJANA, PEMERKASA, PEMULIH dan PEMERKASA Plus yang bertujuan untuk memulihkan ekonomi dan memastikan kesinambungan perniagaan di samping berusaha mengekalkan pekerjaan rakyat.

**NO. SOALAN : 3**

3. Antara bantuan khas yang diberikan kepada industri pelancongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 adalah seperti berikut:

- (a) Bantuan khas one-off berjumlah RM6,000 kepada agensi pelancongan yang berdaftar dan berlesen dengan MOTAC termasuk syarikat-syarikat MM2H yang mempunyai lesen inbound di bawah MOTAC;
- (b) Bantuan kewangan one-off RM1,600 kepada pemandu pelancong (Semenanjung Malaysia & Sarawak), manakala bantuan kewangan one-off sebanyak RM2,100 kepada pemandu pelancong Sabah;
- (c) Bantuan khas one-off sebanyak RM600 kepada pengendali inap desa di bawah Program Pengalaman Homestay Malaysia;
- (d) Bantuan Kewangan Geran Khas Prihatin sebanyak RM1,000 secara one-off kepada pengusaha spa dan pusat urutan kaki berdaftar dengan MOTAC;
- (e) Diskaun bil elektrik kepada pengusaha hotel, pengendali taman tema, pusat konvensyen, pusat membeli-belah dan pengusaha pelancongan;
- (f) Pengecualian cukai pelancongan dan cukai perkhidmatan oleh pengusaha hotel sehingga 31 Disember 2021;
- (g) Penangguhan pembayaran ansuran cukai pendapatan bulanan oleh syarikat sehingga 31 Disember 2021; dan
- (h) Sokongan kepada majikan menerusi Program Subsidi Upah.

**NO. SOALAN : 3**

4. MOTAC juga menyediakan insentif bagi membantu penggiat industri pelancongan untuk terus mampan walaupun terkesan teruk akibat dari pandemik COVID-19 seperti Skim Infrastruktur Pelancongan dan Tabung Khas Pelancongan.
5. Selain itu, penggiat Industri turut disediakan kemudahan PENJANA *Tourism Funding* yang memberi mereka akses kepada pembiayaan untuk menyusun semula keperluan perniagaan mereka.
6. Bagi terus meringankan beban penggiat industri pelancongan yang terjejas berikutan penularan COVID-19 MOTAC juga telah menyediakan bantuan bukan kewangan seperti:
  - (a) Kelonggaran Berkaitan Kompaun;
  - (b) Pengecualian Fi Kepada Pengusaha Pelancongan dan Pemandu Pelancong; dan
  - (c) Kelonggaran Syarat Lesen Kepada Pengusaha Pelancongan.
7. Melalui Bajet 2022 juga, Kerajaan telah mengumumkan komitmen untuk memulihkan dan memangkin beberapa sektor tumpuan. Bagi sektor pelancongan, beberapa inisiatif utama dengan nilai keseluruhan RM1.6 billion telah diumumkan untuk dilaksanakan pada tahun hadapan.

Sekian, terima kasih.